

Fi

15. (1) Fi yang berikut hendaklah dibayar berkeenaan dengan perkara yang disebut dalam Akta dan Peraturan-Peraturan ini:

- | | | |
|-----|---|---------|
| (a) | mengenai apa-apa permohonan di bawah subseksyen 7(1) Akta bagi pendaftaran sesuatu pertubuhan belia | RM30.00 |
| (b) | bagi mengeluarkan perakuan pengesahan di bawah perenggan 11(c) Akta atau bagi mendaftarkan seseorang anggota sesuatu pertubuhan belia sebagai pegawai awam di bawah perenggan 11(c) Akta | RM10.00 |
| (c) | mengenai apa-apa permohonan di bawah subseksyen 17(1) Akta bagi kelulusan apa-apa penukaran nama atau tempat urusan atau bagi apa-apa pindaan kaedah-kaedah sesuatu pertubuhan belia berdaftar | RM10.00 |
| (d) | mengenai apa-apa permohonan di bawah subseksyen 18(1) Akta bagi kelulusan untuk menubuhkan sesuatu cawangan pertubuhan belia (peraturan 8) | RM10.00 |
| (e) | mengenai apa-apa permohonan bagi suatu salinan terperaku mana-mana dokumen yang diberikan kepada sesuatu pertubuhan belia oleh Pendaftar dan bagi tiap-tiap salinan disebut dalam peraturan 5, 6 atau 7 | RM10.00 |
| (f) | bagi membuat salinan terperaku mana-mana dokumen yang difailkan bagi tiap-tiap muka surat di bawah Akta | RM2.00 |
| (g) | bagi memeriksa dokumen sesuatu pertubuhan belia yang ada dalam milikan Pendaftar atau Penolong Pendaftar | RM10.00 |

- | | |
|--|---------|
| (h) bagi memproses sesuatu rayuan kepada Menteri di bawah seksyen 30 Akta | RM50.00 |
| (i) mengenai apa-apa permohonan bagi maklumat mengenai nama dan/atau alamat sesuatu pertubuhan belia | RM2.00 |

(2) Selaras dengan pindaan subperaturan 15(2) kaedah bayaran dengan setem dipinda kepada kaedah bayaran secara tunai, cek jurubank, wang pos atau kiriman wang kepada pendaftar.

Subperaturan 15(2) Peraturan-Peraturan itu dipinda dengan Menggantikan perkataan “ dengan setem yang dilekatkan Kepada permohonan dan hendaklah dibatalkan oleh Pendaftar Atau Penolong Pendaftar apabila menerima permohonan itu” dengan perkataan “ secara tunai atau dalam bentuk cek jurubank, wang pos atau kiriman wang kepada Pendaftar, dan Pendaftar hendaklah mengaku terima fi itu”.

Pengecualian dari membayar fi

16. Walau apa pun peraturan 15, tiada fi kena dibayar berkecualan dengan apa-apa perkara yang disebut dalam peraturan itu jika perkara itu berkaitan dengan maklumat mengenai sesuatu pertubuhan belia dan maklumat itu dikehendaki bagi sesuatu maksud rasmi oleh mana-mana jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri, pihak berkuasa berkanun atau agensi lain Kerajaan Persekutuan atau Negeri, atau pihak berkuasa tempatan sebagaimana diluluskan oleh Pendaftar.